

AGAMA ITU NASIHAT

DIDIKAN AKHLAK (2)

Bagi menjelaskan akhlak itu sebagai matlamat untuk mengetahui atau mengukur umat dalam kerendahan dan kemuliaan maka di sini mustahak rasanya diterangkan tingkatan masyarakat hidup manusia di dunia ini. Jika masyarakat hidup manusia itu kita bahagi maka akan kita dapati tiga tingkatan besar :

1. Masyarakat rendah
2. Masyarakat pertengahan, dan
3. Masyarakat suci

Yang dituju dengan masyarakat rendah itu ialah golongan manusia yang memandang kemuliaan itu ialah keberatan dan kekuatan badan, dalam masyarakat ini orang yang berani dan kuat intulah sahaja yang ditakuti dan disegani bahkan ialah yang dijalankan ketua atau raja. Ketika

hidup kita menempuh keutamaan budi pekerti yang tiap-tiap seorang daripada hendaklah meneladani. Kita mesti melihat ujian-ujian yang datang itu dengan menerima dengan tenang, sabar dan percaya serta yakin bahawa ujian itu datangnya adalah semata-mata untuk mengukur yakinkah kita kepada kekuasaan Allah Subhanahu wa Taala atau tidak. Berimankah kita kepada-Nya atau adakah kita hanya berkeyakinan setengah-setengah sahaja mempercayai bahawa kita hidup sebagai orang yang tidak tahan uji lalu mengutuk nasib dan diri sendiri.

Sepatutnya dalam ujian yang demikian ini kita mesti sabar, tidak putus berikhtiar sambil bekerja untuk menetapkan keyakinan kita bahawa Allah itu sangat Pengasih dan Penyayang dan sangat-sangat menimbang rasa kepada hamba-hamba-Nya yang percaya kepada-Nya adanya.

manusia ada di dalam masyarakat ini tidak ada yang dituntut dan dipelajari selain daripada ilmu kekuatan badan seperti ilmu tahan senjata. Boleh menghilangkan diri; silat dan pencak ialah ilmu yang sangat digemari oleh mereka sehingga menjadikan satu bahagian pelajaran yang mustahak di dalam lingkungan mereka. Belum dipandang menjadi guru dan mulia oleh mereka sekiranya mereka belum memiliki ilmu-ilmu itu. Ilmu pengetahuan, terutamanya akhlak belum lagi mereka ketahui kerana belum ada yang menyampaikan kepada mereka.

Peraturan dan undang-undang yang dijalankan hanyalah setuju dengan kehendak orang yang kuat dan berani sahaja sekalipun yang demikian akan dirasai sakit dan berat dijalankan oleh orang yang lemah. Mereka tidak mempunyai timbang rasa, kerana ilmu pengetahuan dan akhlak tidak ada kepada mereka pada hal kedua-duanya itu adalah menjadi alat bagi penimbang dan pengukur perasaan.

Masyarakat rendah ini masih didapati di tempat-tempat yang belum dimasuki pengetahuan dan akhlak. Tidak salah kalau orang katakan bahawa masyarakat rendah ini belum berupa jauh bezanya dengan masyarakat haiwan; kerana masyarakat haiwan itu sifatnya : yang besar makan kecil, yang kuat mengagahi yang lemah dan yang buas mengganas yang daif.

Dengan ini teranglah bahawa memandang keberanian dan kekuatan pokok kemuliaan itu adalah pandangan yang belum sah diterima oleh perasaan keinsanan.

Yang kedua itu masyarakat pertengahan. Masyarakat ini mengukur kemuliaan itu dengan ilmu pengetahuan. Barang siapa lebih banyak ilmu pengetahuannya ialah yang disegani, ditakuti dan dihormati bahkan ialah yang akan dipilih bagi menjadi raja atau ketua. Masyarakat ini lebih tinggi daripada masyarakat pertama kerana dengan ilmu pengetahuan dapatlah ia menolak orang yang berani dan kuat. Jadi ilmu pengetahuan itu lebih tinggi daripada keberanian dan kekuatan. Bagi menunjukkan benarnya huraian ini cubalah perhati dan periksa keadaan di tempat yang belum dimasuki oleh

oleh ilmu pengetahuan ; walaubagaimana pun besarnya keberanian dan kekuatan penduduk-penduduknya kalau datang seorang sahaja yang sedikit berilmu pengetahuan nescaya dapatlah ia menolak mereka itu. Bukankah peribahasa berkata : Di negeri orang buta, si buta sebelah menjadi raja dan di tempat tidak ada rotan akar pun berguna.”

Seseorang pemimpin yang cekal, yang otaknya lubuk pengetahuan walaupun badannya lemah dan tak pandai bersilat, ia ditakuti atau dikhuatiri lebih dari seratus orang yang badannya tak makan senjata atau pandai menghilangkan sekalipun. Sebabnya orang pandai dan berilmu pengetahuan itu dapat mempengaruhi hati orang kuat dan berani sedang orang kuat dan berani itu belum tentu dapat mempengaruhi hati orang yang berpengetahuan itu.

Mengukur kemuliaan dengan semata-mata ilmu pengetahuan pun belum dapat diterima dengan sah kerana orang yang berilmu pengetahuan masih dapat tergelincir ke lembah kehinaan dan kerendahan. Cuba ingatkan dan perhati sama ada yang tersiar di dalam akhbar, siapakah yang melakukan perbuatan rendah dan keji? Bukankah mereka daripada ahli-ahli pengetahuan tinggi? Bukankah mereka orang-orang yang kenamaan dan pengertian yang dalam? Dan siapakah lagi yang dipertontonkan auratnya sama ada di layar putih atau di atas pentas, bukankah mereka perempuan-perempuan yang berilmu pengetahuan?

Sesungguhnya semakin diselidiki semakin zahir dan nyata bahawa dengan semata-mata ilmu pengetahuan belum dapat orang mencapai sesuatu kemuliaan.

Masyarakat yang ketiga ilaah masyarakat suci. Mereka mengukur masyarakat yang baik dan kesopanan. Seseorang itu belum boleh dikenakan berakhlak baik kalau ia melakukan kejahatan dan kecemaran, dan belum boleh dinamakan kesopanan orang yang mengikutkan hawa nafsunya yang jahat dan mengikut pujukan syaitan. Orang yang berakhlak baik itu ialah orang yang mengerjakan perbuatan-perbuatan mulia dan utama dan orang yang menjauhkan segala kelakuan yang tak patut dan keji. Orang yang berakhlak baik dan berkesopanan tinggi itu dapat

menolak orang yang kuat dan berani dan dapat menakluk orang yang berilmu pengetahuan. Ia menakjubkan dan dihormati dan dimuliakan bukannya kerana kerajinan, kekuatan dan ilmu pengetahuan tetapi ialah kerana akhlak dan kesopanan yang baik dan utama. Kemuliaan yang dicapai itu ialah kemuliaan yang sejati kemuliaan yang tidak ada lebih tinggi daripada itu.

Ketika menulis rencana ini, penulis teringat akan satu hikmat yang terkandung di dalam jawapan seorang alim ketika ia ditanya. Riwayatnya itu ialah begini – Seorang alim pernah ditanya: “Dengan apakah manusia termulia daripada orang lain? Adakah kerana cantik rupanya?”

Orang alim itu menjawab: “Tidak sekali! Sekiranya dengan sebab cantik rupanya nescaya burung merak itu lebih mulia daripadanya!”

Ia ditanya lagi : “Apakah dengan kekuatan dan kerajinannya?”

Orang alim itu menjawab lagi : “Bukan juga! Kalau dengan keberanian dan kekuatan itu tentulah singa lebih mulia daripadanya!”

Ia ditanya lagi : “Apakah dengan besar badannya?!”

Orang alim itu menjawab juga : “Tidak juga! Kalau dengan sebab itu tentulah gajah lebih mulia daripadanya.”

Akhirnya ia ditanya : “Kalau dengan itu bukan, dengan itu tidak habis dengan apakah manusia lebih mulia daripada yang lain?!”

Orang alim itu menjawab : “Dengan akal, dengan ilmu pengetahuan dan dengan akhlak yang baik.”

Sesungguhnya tempat dan dalam berhikmah yang terkandung di dalam jawapannya orang alim kita itu kerana bersetuju dengan keadaan. Ia menerangkan alat-alat pencapai kemuliaan, alat-alat yang tidak dipunyai oleh selain daripada manusia. Dengan tiga alat itulah orang akan mencapai kemuliaan hakiki dan dengan tidak adanya tiga alat-alat berbeza dengan keadaan makhluk yang lain – dipetik dari Majalah Al-Lisan.